

Media : Berita Harian

Date : 2 April 2024



Menyemai Kasih Sahur: **MENGALAKKAN PEMAKANAN SEIMBANG DENGAN PELBAGAI AKTIVITI MENARIK**

AJINOMOTO Malaysia Berhad (AMB) menganjurkan Kempen Bersahur Bersama Seri-Aji 2024 yang bertujuan merevolusikan penyediaan sahur menjadi pengalaman berharga, cepat dan melazatkan sepanjang bulan Ramadan yang bakal tiba tidak lama lagi.

Selain itu, kempen ini juga bertujuan meningkatkan kesedaran terhadap kepentingan bersahur pada bulan Ramadan dan mengeratkan hubungan silaturahim antara masyarakat. Objektif

utamanya termasuk menggalakkan pemakanan seimbang, mempromosikan konsep Sahur yang ringkas, dan menekankan keseronokan bersahur bersama keluarga.

Semasa kempen ini, AMB juga akan mengedarkan pek produk yang dapat memberi manfaat kepada 25,000 isi rumah di 20 lokasi PPR berbeza di sekitar Lembah Klang. Kami berharap dengan langkah ini dapat meningkatkan kesejahteraan penduduk

dan meningkatkan kesedaran terhadap kepentingan Sahur dengan pilihan hidangan yang seimbang dan ringkas.

Pada masa sama, terdapat beberapa aktiviti menarik yang akan dianjurkan di PPR Seri Alam Fasa 2 dan Dewan PPR Lembah Subang 2 iaitu demonstrasi masakan secara langsung, pengedaran makanan, permainan, aktiviti seni pasir dan cabutan bertuah.

Kempen Bersahur Bersama Seri-Aji® 2024 ini akan bermula pada 14 Februari

hingga 9 April 2024 dengan slogan "Konfem Senang, Konfem Sedap". Peserta berpeluang memenangi pelbagai hadiah menarik bernilai RM20,000 dalam peraduan Beli & Menang.

Hadiah termasuk hadiah utama Bar Emas seberat 5g untuk lima pemenang keseluruhan. Penyeretaan adalah mudah dengan hanya beli produk Seri-Aji bernilai RM6 sudah melayakkan anda

untuk menyertai peraduan. Layari smartcooking.com.my untuk maklumat lanjut.

Sertai kami dalam perjalanan yang menarik ini dengan melakukan persiapan sahur yang mudah dan ringkas untuk anda sekeluarga. Dengan Seri-Aji®, ia bukan sahaja mengenai kemudahan - ia berkaitan mencipta detik berharga yang tidak dapat dilupakan. "Konfem Senang, Konfem Sedap" dengan SeriAji®! Selamat Berpuasa!